

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024
SET 1**

1	(a)	(i)	Maksud sunnatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut (1m).	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua sebab kejayaan umat terdahulu : <ul style="list-style-type: none"> - Menyimpan bekalan semasa musim menuai atas nasihat Nabi Yusuf a.s. - Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan dan tubuh badan yang kuat. 	2 isi X 1m = 2m
		(iii)	Dua pengajaran ayat ialah : <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah meyakini Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia [I] bersesuaian dengan peraturan dan ketetapannya[H]. - Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi [I] supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah.[H] - Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu [I] agar menjadi pedoman dalam kehidupan. [H] - Kita hendaklah meyakini al-Quran petunjuk kebenaran [I] bagi orang yang beriman dan bertakwa.[H] - Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa [I] ketika menerima ujian dalam kehidupan.[H] - Kita hendaklah menjaga keimanan [I] agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT .[H] 	2 isi X 2m = 4m P + Isi = 1m Huraian = 1m
	(b)	(i)	Dua tanggungjawab individu selain pemimpin ialah <ul style="list-style-type: none"> - Tanggungjawab suami - Tanggungjawab isteri - Tanggungjawab pekerja - Tanggungjawab anak 	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua tanggungjawab pekerja terhadap majikannya ialah <ul style="list-style-type: none"> - Mengikut arahan ketua. - Bekerja dengan penuh intergriti. - Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan. - Melaksanakan tugas dengan sempurnanya. <p><i>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</i></p>	2 isi X 2m = 4m
		(iii)	Cadangan isi (sebab melakukan pekerjaan sebagai ibadah) : <ul style="list-style-type: none"> - Pekerjaan tidak dilarang Allah SWT - ganjaran pahala - bersungguh-sungguh tanpa mengharapkan balasan - mendatangkan kebaikan kepada manusia - mendapat keberkatan hidup. 	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m

			Pekerjaan yang dilakukan tidak dilarang Allah SWT (I) agar diberikan ganjaran pahala (H). Kesannya kita akan melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh dan tekun tanpa mengharapkan balasan (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah melaksanakan pekerjaan dengan sebaik-baiknya agar mendapat keberkatan dalam kehidupan. (K)	
	(c)	a) Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf (1m) b) Mad Lazim Harfi Musaqqal (1m)		2 isi X 1m = 2m
2	(a)	(i)	Maksud al-Muntakim ialah Allah SWT Maha Pembalas [1m] dengan menimpa azab terhadap orang yang melampaui batas [1m].	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntakim ialah <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran. - Allah SWT menimpa azab dalam peristiwa ad-Dukhan kerana menolak dakwah rasulullah SAW. - Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamaNya. 	2 isi X 2m = 4m
		(iii)	Cadangan isi (cara membendung perbuatan ponteng sekolah) : <ul style="list-style-type: none"> - Memberi hukuman yang setimpal - Memberi kesedaran bahawa Allah akan membalas perbuatan buruk Memberi hukuman yang setimpal (I) agar kes ponteng tidak akan berulang (H). Hal yang demikian akan murid tidak akan melakukan ponteng sekolah lagi (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah meyakini bahawa segala perbuatan akan dibalas oleh Allah sama ada baik atau buruk.(K)	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(b)	(i)	Maksud Syiah ialah kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abi Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah saw [1m] dan berkeyakinan bahawa hanya ahliil bait sahaja yang layak memegang jawatan khalifah[1m].	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua prinsip utama Syiah ialah <ul style="list-style-type: none"> - Meyakini bahawa Al Imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah swt (2m) melalui lisan rasulnya secara nas - Meyakini bahawa Imam-imam adalah maksum.(2m) - Menyanjung saidina Ali secara keterlaluan (2m) sehingga disamakan dengan Allah swt - Mengamalkan taqiyah iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta benda (2M) dengan menafikan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenar 	2 isi X 2m = 4m

			<ul style="list-style-type: none"> - Menambah nama saidina Ali dalam syahadah selepas nama Nabi SAW (2m) 	
		(iii)	<p>Dua kepentingan berpegang teguh dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat keredhaan Allah SWT. - Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan. - Memelihara kesucian agama Islam. - Menjamin keamanan negara. - Mengelak umat Islam daripada berjinak dengan ajaran sesat. - Membersihkan aqidah daripada sebarang bentuk kekeliruan. - Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau. <p>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</p>	2 isi X 2m = 4m
Mana-mana jawapan munasabah diterima.				
3	(a)	(i)	Maksud sembelihan ialah menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya (1m) dengan cara memutuskan urat halkum dan urat mari.(1m)	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua perkara sunat sembelihan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyembelih menajamkan pisau - Menyembelih pada siang hari - Penyembelih dan binatang sembelihan menghadap kiblat - Membaca Basmalah ketika permulaan menyembelih - Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri - Menggunakan alat sembelihan yang tajam 	2 isi X 1m = 2m
		(iii)	<p>Cadangan isi [Kesan bersifat ihsan terhadap binatang semasa sembelihan.] :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempercepat proses kematian binatang disembelih. - Menajamkan pisau untuk menyembelih dapat mengurangkan kesakitan. <p>Mempercepat proses kematian binatang disembelih (I) agar binatang tidak tersessa (H). Oleh kerana itu, kita disunatkan menajamkan pisau sebelum menyembelih (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah berlaku ihsan kepada bukan sahaja terhad kepada manusia, tetapi juga ihsan kepada binatang. (K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(b)	(i)	<p>Dua rukun akad muamalat Islam ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Orang yang berakad - Perkara yang diakadkan - Sighah 	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia. - Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah. - Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam. 	2 isi X 1m = 2m

			<ul style="list-style-type: none"> - Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik. - Mendapat keredhaan Allah SWT kerana melakukan suruhanNYa dan meninggalkan laranganNYa dalam urusan harian. 	
	(c)	(i)	Maksud fasakh ialah pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim (1M) dengan sebab-sebab tertentu (1M)	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua sebab fasakh ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Suami sering memukul isteri - Suami tidak memberi nafkah - Suami berpenyakit - Suami hilang - Murtad 	2 isi X 1m = 2m
		(iii)	<p>Cadangan isi [kesan positif fasakh: Fasakh kemenangan yang berstrategi] :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberi peluang kepada isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan. - Mengelakkan daripada kemudaratan yang akan ditanggung oleh isteri sekiranya ikatan perkahwinan diteruskan. - Menghindarkan suasana yang tidak baik terhadap perkembangan fizikal, mental, dan emosi isteri dan anak-anak. <p>Memberi peluang kepada isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan (I) agar menghindarkan suasana yang tidak baik terhadap perkembangan fizikal, mental, dan emosi isteri.(H). Hal yang demikian akan mengelakkan daripada kemudaratan yang akan ditanggung oleh isteri sekiranya ikatan perkahwinan diteruskan(HL). Kesimpulannya, kita hendaklah memantapkan ilmu perkahwinan agar dapat membentuk keluarga bahagia(K).</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
4	(a)	(i)	<p>Sejarah ringkas kerajaan Umayyah ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Asal Penubuhan : Bersempena nama Umaiyyah bin Abdul as-Syam bin Abdul al-Manaf, iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy. - Pengasas : Muawiyyah bin Abi Sufian - Tempoh Memerintah : Tahun 41H – 132H - Keluasan Kerajaan : Meliputi sebahagian besar benua afrika, asia dan eropah. - Bilangan Khalifah : 14 orang - Khalifah yang terkenal : <ol style="list-style-type: none"> 1. Muawiyah Bin Abi Sufian 2. Abdul Malik Bin Marwan 3. Al-Walid Bin Abd Malik 4. Umar Bin Abdul Aziz - Khalifah pertama : Muawiyah Bin Abi Sufian 	2 isi X 1m = 2m

		<ul style="list-style-type: none"> - Khalifah terakhir : Marwan bin Muhammad - Pusat pemerintahan : Damsyik, Syria 	
	(ii)	<p>Faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah dari aspek politik ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga - Pemberontakan pihak syiah dan khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umaiyah. 	2 isi X 2m = 4m
	(iii)	<p>Cadangan isi (cara mengurus organisasi dengan baik) :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan integriti dalam organisasi - Proaktif dalam pengurusan organisasi <p>Mengamalkan integriti dalam organisasi (I) supaya berjaya organisasi dapat diurus dengan baik (H). Hal yang demikian akan menjadikan institusi tersebut dapat menjalankan fungsinya dengan sebaiknya (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menjadikan kerajaan Islam yang lepas sebagai panduan dalam pengurusan organisasi supaya Islam dipandang tinggi.(K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(b)	<p>(i)</p> <p>Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Nama penuh : Ahmad bin Muhammad Ibrahim ➤ Tarikh lahir : 15 Mei 1916 ➤ Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999 ➤ Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Dr. ➤ Pekerjaan : <ul style="list-style-type: none"> - Pensyarah Kuliah Undang-undang di UIA Malaysia - Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah ➤ Ketinggian Akhlak <ul style="list-style-type: none"> - Suka menyebarkan ilmu - Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan ➤ Tahap Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> - Victoria Bridge School Singapura - Raffles Institution Singapura - Raffles Collage Singapura - University of Cambridge 	2 isi X 1m = 2m
		<p>(ii)</p> <p>Dua sumbangan beliau dalam sejarah tamadun Islam ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hasil karya seperti buku-buku undang-undang Keluarga Islam di Malaysia - Pelopor jurnal hakim - Menghasilkan buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia seperti : <ul style="list-style-type: none"> i. Sisitem Undang-undang di Malaysia. ii. Islamic Law in Malaysia - Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah - Anggota Panel Pengasas Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Anatarbangsa Malaysia 	2 isi X 2m = 4m

			<ul style="list-style-type: none"> - Pengasas dan penggubal enakmen undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada Tahun 1991. 	
		(iii)	<p>Dua iktibar daripada keunggulan tokoh ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu [I] sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.[H] - Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiyah [I] agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.[H] - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki [I] agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.[H] - Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti [I] supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.[H] - Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara [I] supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa.[H] 	2 isi X 2m = 4m P + Isi = 1m Huraian = 1m
5	(a)	(i)	Maksud wasatiah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerang [1m] dalam setiap tindakan [1m]	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua keadilan dalam prinsip wasatiah ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya. - Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem. 	2 isi X 2m = 4m
		(iii)	<p>Cadangan isi (langkah mengatasi pembaziran berdasarkan prinsip wasatiah) :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memupuk sikap bersederhana dalam kehidupan - Mendidik diri menghargai nikmat Allah - Memberi peringatan berkaitan kesan pembaziran <p>Mendidik diri menghargai nikmat Allah SWT (I) supaya tidak lalai dengan kelebihan yang dimiliki (H). Hal yang demikian akan menjadikan kita lebih bersederhana dalam melakukan sesuatu perbuatan (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menerapkan prinsip wasatiah dalam kehidupan agar dapat melahirkan umat yang cemerlang.(K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(b)	(i)	Maksud alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup [1M] yang terdapat di sekeliling manusia.[1M]	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua hikmah menjaga alam sekitar ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan insan yang mencintai alam skitar [I] kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan.[H] - Menikmati persekitaran yang bersih [I] kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar.[H] - Meningkatkan pendapatan negara [I] kerana dapat melaksanakan aktiviti eko pelancongan.[H] <p>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</p>	1 isi X 2m = 2m Isi = 1m Huraian = 1m

	(iii)	<p>Cadangan isi (kesan negatif tidak beradab terhadap alam sekitar) :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berlaku pemanasan global - Penularan wabak penyakit berjangkit - Ekonomi negara terjejas <p>Menyebabkan ekonomi negara terjejas teruk (I) kerana berlakunya kerosakan alam sebagai sumber pendapatan negara (H). Hal yang demikian akan menyebabkan keharmonian masyarakat terjejas (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga kelestarian alam sekitar untuk dimanfaatkan generasi akan datang.(K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
--	-------	--	---

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT